

15/04/2004

Pak Lah mahu YB jadi penyokong kepada rakyat

Ridzuan Yop

"YANG Berhormat (YB) patut percaya saya akan membaca laporan kerja yang dilaksanakan saudara saudari di kawasan masing-masing, sama ada yang dikemukakan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri."

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika menyampaikan amanat beliau kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) itu, jelas menunjukkan beliau serius dalam soal berkenaan.

"Bagi Ahli Parlimen, hantar laporan ke pejabat saya dan percayalah saya akan teliti semua laporan itu," tegasnya pada majlis khas Amanat PM kepada wakil rakyat BN, baru-baru ini.

Amanat itu adalah yang pertama kali disampaikan oleh Pak Lah kepada Ahli Parlimen dan Adun BN selepas mencapai kejayaan cemerlang dan menerima mandat terbesar daripada rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-11 pada 21 Mac lalu.

Perdana Menteri menegaskan semua Ahli Parlimen dan Adun mesti mengemukakan laporan tiga bulan sekali untuk beliau dan Pengerusi BN negeri meneliti kerja yang dilaksanakan di kawasan masing-masing.

Selain itu, Adun dikehendaki mengemukakan laporan itu kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri selaku Pengerusi BN Negeri dengan salinannya dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri, khususnya kepada beliau. Ahli Parlimen pula dikehendaki mengemukakan laporan itu terus kepada beliau.

Pemerhati politik berpendapat Pak Lah berjaya melepasi ujian pertama dengan cemerlang sebagai Perdana Menteri selepas mengambil alih teraju kepimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, dengan kemenangan besar BN pada Pilihan Raya Umum ke-11.

Namun pemerhati politik berpendapat ujian kedua terbesar Pak Lah adalah untuk memastikan 198 Ahli Parlimen dan 303 Adun daripada BN yang memang dalam pilihan raya lalu dapat melaksanakan kewajipan mereka dengan berkesan sebagai Yang Berhormat (YB).

Di bawah pentadbirannya, tugas YB bukan lagi boleh dianggap mudah kerana beliau mahu mereka memenuhi kehendak rakyat dan bukan sekadar menabur janji kosong untuk melakukan itu dan ini.

Bagi Pak Lah, wakil rakyat perlu sentiasa bertindak pantas terhadap segala masalah yang dihadapi rakyat bukan hanya meninjau ketika hampir pilihan raya untuk mendapat undi.

"Saya mahu saudara dan saudari YB sentiasa dekat dengan rakyat dan bertindak cepat selesaikan masalah mereka seperti banjir dan kebakaran, wakil rakyat perlu segera melawat.

"Mendapat gelaran wakil rakyat kini bukan lagi menjadi keistimewaan atau jalan mudah mendapat tiket mencari kehidupan `glamour' atau kemewahan kerana YB kini dilihat rakyat lebih sebagai pegawai kebajikan.

"Mungkin ramai yang tidak ghairah menjadi wakil rakyat seperti masa lalu, kerana tanggungjawab YB kini lebih berat, hanya yang ikhlas membantu rakyat saja yang dapat bertahan," kata seorang pemerhati politik.

Menurut pemerhati itu lagi, Pak Lah berjaya membentuk satu sikap dalam diri YB bahawa mereka dipilih bukan untuk syok sendiri dengan gelaran YB tetapi menjadi penyokong kepada rakyat.

Perdana Menteri ketika menyampaikan amanatnya, mengingatkan semua Ahli Parlimen dan Adun BN supaya tidak mengamalkan gaya hidup mewah sehingga menimbulkan kemarahan serta rasa tidak senang rakyat.

Beliau juga mahu setiap wakil rakyat melambangkan peribadi baik, mulia

dan berwibawa dengan tidak bertindak dengan cara yang boleh mencemarkan nama baik parti dan kerajaan yang diterajuinya.

Pak Lah yang dilihat banyak pihak sebagai lembut dan perwatakan sederhana, sebenarnya tegas dalam tindakannya dan semua YB tidak boleh memandang ringan arahan beliau.

"Semua saudara saudari perlu pandai membawa diri, jangan berlebihan sama ada dari segi berpakaian... hiduplah secara berpatutan, ikut kemampuan dan jangan melebihi daripada itu.

"Jika tidak, nanti kita disyaki mendapat peluang daripada punca yang dipersoalkan kesahihannya sehingga menimbulkan rasa kurang senang di kalangan rakyat yang kita wakili," katanya.

Kod etika anggota pentadbiran yang diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini akan bertindak sebagai garis panduan kepada wakil rakyat supaya menghindari gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Pak Lah menekankan bahawa rakyat mungkin mengesyaki wakil rakyat mereka menerima rasuah dan salah guna kuasa sedangkan rakyat tahu wakil rakyat mereka miskin dan tidak mampu memiliki pakaian, rumah dan kereta yang di luar kemampuan.

"Rakyat tahu saudara miskin tetapi memperlihatkan sesuatu pada pakaian, rumah, kereta dan sesuatu yang saudara tidak mampu membelinya, mungkin terpaksa berhutang begitu banyak sehingga timbul rasa tidak senang di kalangan rakyat," katanya.

Sehubungan itu, katanya, semua wakil rakyat BN mesti mengamalkan cara hidup sederhana dalam apa juga cara dan sentiasa melaksanakan setiap tugas dan kerja dengan bersungguh-sungguh dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Bagi Pak Lah, kerajaan serius untuk melaksanakan semua perkara dan janji kepada rakyat seperti yang digariskan dalam manifesto BN dan kerajaan tidak akan berjanji kepada perkara yang tidak mampu dilaksanakan.

Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohammad Agus Yusoff, berkata yang penting untuk Ahli Parlimen dan Adun BN ketika ini adalah untuk memberikan khidmat terbaik kepada rakyat kerana mereka dipilih oleh rakyat untuk menjadi wakil kawasan mereka.

Beliau berkata, sama ada wakil rakyat yang dipilih itu memenuhi keperluan rakyat, diterima atau sebaliknya jawapannya akan diketahui setiap lima tahun apabila tiba pilihan raya umum.

"Namun begitu, prestasi wakil rakyat juga akan diukur melalui sejauh mana projek yang dilaksanakan di kawasan masing-masing menepati kehendak dan keperluan rakyat setempat," katanya.

Beliau berkata, prestasi seseorang wakil rakyat pada masa ini tidak lagi diukur berapa banyak rumah yang boleh dilawati setiap tahun tetapi kini ia diukur berdasarkan kepada berapa banyak projek yang mampu di bawa ke kawasan masing-masing yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Sehubungan itu, untuk membawa projek kepada rakyat ia memerlukan sejumlah peruntukan dan wakil rakyat perlu pembiayaan bagi merealisasikan hasrat rakyat berkenaan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyifatkan kod etika yang dibentuk itu seharusnya bertindak sebagai garisan panduan kepada wakil rakyat untuk menjaga tingkah laku mereka dan bukannya satu kod yang terlalu mengikat hingga mereka berasa bosan serta gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Tugas Pak Lah sekarang adalah untuk memastikan setiap wakil rakyat BN bekerja memenuhi harapan rakyat dan sentiasa menyokong apa juga kehendak rakyat dan sedaya upaya memenuhi keperluan mereka.

Bagi Abdullah kerajaan BN adalah sebuah kerajaan yang dibentuk untuk menyokong rakyat dengan memenuhi semua kehendak mereka dan tindakan menyokong rakyat itu dibuktikan oleh kerajaan BN dengan menyediakan

pelbagai kemudahan yang diperlukan. Pada masa sama, rakyat pula memberi sokongan kepada kerajaan BN kerana kemampuannya merancang, melaksana serta menjana ekonomi bagi membolehkannya membuat pelbagai projek untuk rakyat.

Tindakan saling menyokong antara kerajaan dan rakyat yang menjadi teras pentadbiran kerajaan BN berjaya membawa banyak kebaikan kepada negara dalam melaksanakan pelbagai bentuk pembangunan.